BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 02/19/02

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Khamis, 14 Februari 2019

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN MALAYSIA PADA SUKU KEEMPAT 2018

Ekonomi Malaysia meningkat 4.7% pada suku keempat 2018

Aktiviti sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, manakala eksport barangan dan perkhidmatan yang kembali pulih menyumbang kepada pertumbuhan eksport bersih yang positif. Dari segi penawaran, sektor utama terus berkembang. Sektor perkhidmatan disokong oleh perbelanjaan pengguna yang terus kukuh, khususnya dalam segmen runcit. Pertumbuhan sektor perkilangan terus dipacu oleh kelompok elektronik dan barangan elektrik (E&E) serta kelompok berkaitan pengguna. Sektor berkaitan komoditi terus kembali pulih daripada gangguan pengeluaran yang dialami sejak suku kedua, dengan pertumbuhan yang lebih tinggi dicatatkan oleh sektor perlombongan dan pertanian.

Inflasi keseluruhan menurun kepada 0.3% (S3 2018: 0.5%), disebabkan terutamanya oleh inflasi pengangkutan yang menjadi negatif. Hasil bersepadu daripada pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax,* GST) pada kadar sifar dan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (*Sales and Services Tax*, SST) terus menyebabkan penurunan dalam inflasi keseluruhan pada suku keempat.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil pada masa akan datang

Permintaan sektor swasta dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan dalam keadaan rasionalisasi fiskal yang berterusan serta sektor luaran yang diunjurkan menjadi perlahan seiring dengan permintaan global yang semakin sederhana.

Pada masa hadapan, inflasi keseluruhan secara purata dijangka meningkat dengan sederhana. Kesan dasar cukai penggunaan terhadap inflasi keseluruhan pada tahun 2019 akan mula luput menjelang akhir tahun itu. Inflasi asas, yang tidak mengambil kira kesan perubahan dasar cukai penggunaan, pada amnya dijangka stabil pada tahun 2019 memandangkan tiada tekanan permintaan yang kukuh.

Bank Negara Malaysia
14 Februari 2019

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Jadual 1

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2018 (%)	2017		2018		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	92.9	6.2	6.5	6.9	5.6	5.6
Sektor Swasta	*72.8*	7.4	7.5	8.5	7.7	7.2
Penggunaan	*55.5*	*7.0*	*7.0*	*9.0*	*8.5*	*8.1*
Pelaburan	*17.4*	*9.2*	*9.3*	*6.9*	*4.4*	*4.5*
Sektor Awam	20.1	3.4	3.3	1.1	0.4	0.1
Penggunaan	*12.8*	*6.8*	*5.4*	*5.2*	*4.0*	*3.3*
Pelaburan	*7.3*	*-1.4*	*0.1*	*-5.5*	*-4.9*	*-5.2*
Eksport Bersih	8.4	2.3	-1.9	-7.5	9.9	13.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*70.6*	*6.7*	*9.4*	*-0.8*	*1.3*	*1.5*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*62.2*	*7.3*	*10.9*	*0.1*	*0.2*	*0.1*
KDNK	**100.0**	**5.9**	**5.9**	**4.4**	**4.7**	**4.7**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.0**	**-**	**1.6**	**1.4**	**-**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

Perubahan tahunan (%)	Bahagian 2018 (%)	2017	2018			
		S4	S1	S2	S3	S4
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan	55.5	6.2	6.5	6.5	7.2	6.9
Perkilangan	23.0	5.4	5.3	4.9	5.0	4.7
Perlombongan	7.9	-0.3	0.1	-2.2	-4.6	0.5
Pertanian	7.8	10.7	2.8	-2.5	-1.4	-0.4
Pembinaan	4.5	5.9	4.9	4.7	4.6	2.6
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.9**	**5.4**	**4.5**	**4.4**	**4.7**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia